

PENGARUH BUDAYA MA'HAD AT-TARBIYAH AL-ISLAMIYAH (MATRI), PERLIS, DALAM MENGHIDUPKAN SUNNAH NABI SAW DALAM KEHIDUPAN HARIAN PELAJAR

CULTURAL INFLUENCE OF MA'HAD AT-TARBIYAH AL-ISLAMIYAH (MATRI), PERLIS, IN REVIVING PROPHETIC TRADITIONS IN STUDENTS' DAILY LIVES

Nidzamuddin Zakaria¹

Liyana Azhar²

Najihah Azahar³

Nurul 'Aisyah Ahmad Nasaruddin⁴

Abdulloh Salaeh⁵

Walid Mohd Said⁶

Syed Najihuddin Syed Hassan^{7*}

¹ KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: nidzamuddin@usim.edu.my)

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: liyana.azhar_@raudah.usim.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: najihah.azahar@raudah.usim.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: aisyah_nurul@raudah.usim.edu.my)

⁵ KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: abdulloh@usim.edu.my)

⁶ KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: walid@usim.edu.my)

⁷ KUP Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

*Corresponding author: syednajihuddin@usim.edu.my

Article history

Received date : 7-10-2025

Revised date : 8-10-2025

Accepted date : 24-11-2025

Published date : 30-12-2025

To cite this document:

Zakaria, N., Azhar, L., Azahar, N., Ahmad Nasaruddin, N. 'A., Salaeh, A., Mohd Said, W., & Syed Hassan, S. N. (2025). Pengaruh budaya Ma'had At-Tarbiyah Al-Islamiyah (MATRI), Perlis, dalam menghidupkan sunnah Nabi SAW dalam kehidupan harian pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 668 – 698.

Abstrak: Kajian ini meneliti pengaruh budaya Ma'had Attarbiyah Al-Islamiyah (MATRI), Perlis, dalam menghidupkan sunnah Nabi SAW dalam kehidupan harian pelajar. Menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur bersama pentadbir dan pelajar, kajian mendapati bahawa penghayatan sunnah diperkukuh melalui tiga komponen utama: kepimpinan berasaskan qudwah, pelaksanaan program tarbiyah yang sistematik, dan sokongan sosial rakan sebaya. Program seperti halaqah, usrah, qiyamullail, Ijtima' 'Am serta Tamrin berkala membentuk disiplin rohani, kefahaman hikmah dan motivasi dalaman pelajar

untuk mengamalkan sunnah secara konsisten. Dapatan turut menunjukkan bahawa amalan seperti solat berjemaah, wuduk sebelum tidur, hafazan dan budaya makan talam menjadi rutin hasil pembudayaan tarbiyah yang tersusun. Namun, cabaran seperti ketidakselarasan bi'ah di rumah, pengaruh teknologi dan kesukaran mengekalkan istiqamah selepas graduasi masih wujud. Kajian ini menegaskan potensi pendidikan tarbiyah berasaskan sunnah dalam membentuk identiti Muslim yang berakhlak dan mencadangkan agar sokongan keluarga serta modul tarbiyah generasi baharu terus diperkukuh.

Kata Kunci: budaya tarbiyah, sunnah Nabi SAW, murabbi, pembentukan sahsiah, MATRI Perlis

Abstract: *This study examines the influence of the culture at Ma'had Attarbiyah Al-Islamiyah (MATRI), Perlis, in cultivating the practice of the Prophet Muhammad's (PBUH) sunnah in students' daily lives. Using a qualitative approach through semi-structured interviews with school administrators and students, the findings indicate that the internalisation of sunnah is strengthened through three key components: exemplary leadership, a systematically structured tarbiyah programme, and supportive peer relationships. Programmes such as halaqah, usrah, qiyamullail, Ijtima' 'Am, and periodic Tamrin foster spiritual discipline, appreciation of religious wisdom, and intrinsic motivation to practise sunnah consistently. The study also found that practices such as congregational prayer, pre-sleep wudu', daily supplications, memorisation routines, and communal eating emerge naturally from the school's tarbiyah ecosystem. Despite these strengths, challenges persist, particularly the inconsistency of home environments, digital distractions, and difficulties maintaining istiqamah after graduation. The study concludes that a sunnah-oriented tarbiyah model holds strong potential for shaping morally grounded Muslim youth and recommends strengthening family support and adapting tarbiyah modules to the needs of contemporary learners.*

Keywords: tarbiyah culture, Prophetic tradition, murabbi, student character development, MATRI Perlis

Pendahuluan

Pendidikan Islam di Malaysia berkembang sebagai satu ekosistem yang menggabungkan tradisi keilmuan Islam dengan tuntutan pendidikan moden, khususnya melalui institusi berteraskan tarbiyah. Pendekatan ini memberi penekanan kepada pembinaan bi'ah solehah, pembudayaan amalan berjemaah, serta penghayatan nilai-nilai al-Quran dan Sunnah sebagai asas pembentukan jati diri pelajar. Tradisi pondok dan pesantren Nusantara menjadi model penting kepada pendekatan ini, kerana ia menekankan pendidikan holistik yang merangkumi ilmu, akhlak dan disiplin rohani. Dalam konteks ini, institusi tarbiyah berfungsi bukan sekadar sebagai pusat pengajaran, tetapi sebagai ruang pembinaan keperibadian Muslim yang seimbang.

Walaupun model pendidikan berteraskan tarbiyah telah lama wujud dan terbukti memberi impak kepada pembentukan akhlak pelajar, kajian kontemporari masih banyak memberi tumpuan kepada aspek kurikulum, pencapaian akademik dan sejarah institusi. Terdapat kelompongan yang ketara dalam penelitian terhadap mekanisme dalaman yang mendorong penghayatan sunnah dalam budaya sekolah, khususnya sejauh mana kepimpinan institusi, suasana sosial dan program tarbiyah mempengaruhi amalan seharian pelajar. Kajian-kajian yang meneliti budaya sunnah sebagai satu kerangka pendidikan yang sistematik masih terhad,

walhal ia merupakan elemen penting dalam memahami keberkesanan pendekatan tarbiyah dalam realiti pendidikan moden (Nasirah, 2020).

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompongan tersebut dengan meneliti secara mendalam bagaimana budaya sunnah dibentuk, diamalkan dan dihidupkan dalam kehidupan harian pelajar di Ma'ahad Attarbiyah Al-Islamiah (MATRI), Perlis, sebuah institusi tarbiyah kontemporari yang menggabungkan tradisi pengajian Islam dengan pendidikan formal moden. Fokus kajian meliputi peranan kepimpinan dan visi institusi dalam membentuk hala tuju budaya sunnah, serta pelaksanaan program tarbiyah yang menyumbang kepada pembentukan disiplin rohani dan penghayatan amalan sunnah. Kajian ini turut meneliti pengalaman pelajar sebagai sumber utama untuk memahami impak sebenar budaya tarbiyah terhadap pembinaan sahsiah serta cabaran mengekalkan amalan tersebut selepas tamat persekolahan.

Permasalahan Kajian

Penghayatan sunnah Nabi SAW dalam kalangan pelajar sekolah semakin mencabar dalam era moden yang sarat dengan pengaruh digital, budaya individualistik dan kelonggaran nilai hidup Islami. Meskipun pelbagai pendekatan telah diperkenalkan untuk mengintegrasikan elemen Islam dalam pendidikan arus perdana, amalan sunnah seringkali terhad kepada aspek teori, tanpa disokong oleh suasana institusi yang holistik dan berterusan. Dalam konteks ini, MATRI tampil sebagai sebuah institusi unik yang menekankan bukan sahaja kecemerlangan akademik, tetapi lebih penting lagi, pembentukan iman, akhlak dan amal dalam kehidupan pelajarannya (Sa'adan, 2024). MATRI mengutamakan pendekatan tarbiyah berasaskan manhaj Nabawi yang merangkumi program harian seperti qiyamullail, halaqah, usrah, hafazan serta amal jama'i yang bertujuan menghidupkan sunnah secara praktikal dalam suasana berjemaah (Abdul Rahman, 2020).

Namun begitu, persoalan masih wujud tentang sejauh mana budaya institusi di MATRI benar-benar berupaya membentuk pelajar yang mengamalkan sunnah Nabi SAW secara konsisten, bukan sekadar dalam tempoh persekolahan tetapi juga selepas tamat pengajian. Adakah suasana tarbiyah yang dibina cukup kuat untuk membentuk keperibadian berteraskan sunnah dalam diri pelajar? Bagaimanakah peranan guru, pentadbiran dan rakan sebaya menyumbang kepada penghayatan nilai-nilai sunnah dalam kehidupan pelajar? Apakah cabaran yang dihadapi pelajar untuk mengekalkan amalan ini apabila berada di luar lingkungan sekolah? Maka, satu kajian kualitatif yang meneliti pengalaman sebenar pelajar dan pendidik MATRI adalah amat diperlukan untuk memahami kesan budaya institusi ini terhadap penghidupan sunnah dalam kehidupan harian pelajar.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi meneliti secara mendalam pengaruh budaya institusi MATRI, Perlis, dalam menghidupkan sunnah Nabi SAW dalam kehidupan harian pelajarannya. MATRI dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia merupakan sebuah institusi pendidikan Islam swasta yang menggabungkan sistem akademik dengan pendekatan tarbiyah berasaskan sunnah. Melalui pendekatan kualitatif, kajian ini memfokuskan kepada pengalaman sebenar pelajar dan warga pendidik yang terlibat secara langsung dalam budaya MATRI, dengan tumpuan terhadap unsur budaya, kesan pengamalan, serta cabaran pelajar dalam mengekalkan sunnah.

Berdasarkan latar belakang dan permasalahan yang dikenal pasti, kajian ini digariskan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengetahui bentuk budaya tarbiyah yang diamalkan di MATRI yang menyumbang kepada penghayatan sunnah Nabi SAW dalam kehidupan harian pelajar.
- ii. Menganalisis kesan budaya institusi MATRI terhadap amalan dan sikap pelajar dalam menghidupkan sunnah Nabi SAW di dalam dan di luar sekolah.
- iii. Meneliti cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam mengekalkan pengamalan sunnah setelah keluar daripada persekitaran tarbiyah MATRI.

Kajian Literatur

Budaya Institusi dan Kepimpinan Tarbawi

Kajian Nor dan Munir (2021) menekankan kepimpinan sebagai teladan utama dalam institusi pendidikan pondok, selaras dengan falsafah MATRI yang menekankan *qudwah* hasanah. Dalam budaya pendidikan tarbawi, pemimpin memainkan peranan membentuk budaya sunnah melalui keteladanan dan dasar yang berpaksikan nilai Islam. Munir dan Nor (2021) turut mengupas bagaimana sistem salafiah dan kepimpinan kiyai di Indonesia dan Malaysia mengekalkan budaya institusi yang berasaskan manhaj salaf.

Kajian Azizan et al. (2021) pula menunjukkan keberkesanan kaedah talaqqi dan keterlibatan guru dalam mendidik pelajar melalui pendekatan berteraskan sunnah. Kajian oleh Nor dan Munir (2021) terhadap institusi salafiah di Malaysia dan Indonesia menekankan peranan kepimpinan sebagai *qudwah* dan hikmah dalam mengekalkan budaya sunnah dan tradisi kelas Arab (Nor & Munir, 2021). Munir & Nor (2021) menyatakan bahawa konsep kiyai berkarisma dan silibus kitab kuning menjadi intipati budaya pondok sunnah, sejajar dengan nilai yang diterapkan di MATRI.

Sistem Program Tarbiyah dan Ittiba' al-Sunnah

Program tarbiyah di institusi seperti MATRI mempunyai pendekatan yang sistematik dan menyeluruh, sama seperti didapati dalam kajian Syahrizal dan Tengku Kasim (2023) di Pondok Pesantren Al-Fatah. Mereka mendapati bahawa pengintegrasian sunnah melalui kurikulum hadith, rutin qiyamullail, halaqah, dan usrah membantu pelajar memahami dan mengamalkan sunnah secara praktikal. Ini sejajar dengan amalan di MATRI yang menekankan aktiviti terancang untuk pembentukan akhlak. Kajian Fachruddin et al. (2021) juga menemui bahawa sistem pengurusan pondok sunnah mencakup perancangan, implementasi, dan penilaian yang menyeluruh. Kajian Noorhidayah et al. (2021) pula telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara pelaksanaan amalan sunat dan kecemerlangan sahsiah pelajar tahfiz.

Pengaruh Budaya Pondok terhadap Pembangunan Karakter dan Penghayatan Sunnah

El-Islamy et al. (2023) dalam kajian kuantitatif mendapati bahawa budaya pondok memberi impak signifikan terhadap pembentukan karakter pelajar (sebanyak 27.3%), terutamanya dalam pembiasaan sunnah. Hafiy dan Narowi (2022) dalam konteks pelajar Islam di UNISEL juga menyatakan bahawa walaupun pengetahuan terhadap sunnah adalah sederhana, pengamalan harian mereka terhadap sunnah cukup tinggi. Arifudin et al. (2023) pula menegaskan bahawa suasana pendidikan pondok dan pendekatan holistik memberi kesan kepada nilai spiritual dan jati diri pelajar Muslim. Kajian ini juga menunjukkan bahawa sosialisasi rakan sebaya serta model guru turut memperkukuh nilai spiritual dan identiti berlandaskan sunnah.

Konteks Sosial, Ukhuwah dan Sokongan Rakan Sebaya

Salah satu faktor penting dalam penghayatan sunnah adalah suasana sosial dan sokongan rakan sebaya. Rodliyah et al. (2022) meneliti transformasi budaya dalam aktiviti berasaskan Ahlussunnah wal Jama'ah di pondok Indonesia, mendapati ukhuwah dan kegiatan kolektif meningkatkan penghayatan sunnah harian dengan peningkatan komitmen pelajar terhadap amalan sunnah harian. Pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa IPT dipengaruhi secara positif oleh hubungan sosial dan suasana sekeliling (Ismail et al., 2019). Akmansyah et al. (2022) menyatakan bahawa kepimpinan kiai dan jadual harian yang konsisten membentuk suasana relasi dan toleransi dalam kalangan pelajar, mirip dengan ekosistem pendidikan di MATRI. Budaya ukhuwah dan kegiatan kolektif terbukti meningkatkan penghayatan sunnah secara konsisten.

Cabaran Era Moden dan Konsistensi Selepas Graduasi

Dzul kifli et al. (2022) menegaskan bahawa pelajar yang melalui proses internalisasi ibadah seperti qiyamullail dan zikir lebih cenderung mengekalkan amalan sunnah walaupun selepas keluar dari institusi pendidikan. Namun, terdapat cabaran dalam mengekalkan budaya tersebut dalam era digital. Kajian Kabir et al. (2024) menyatakan bahawa aplikasi teknologi Islam perlu direka agar menyokong motivasi dan kesinambungan taip sunnah di kalangan Muslim muda. Penggunaan teknologi berasaskan gaya hidup Islam menjadi antara medium alternatif untuk generasi muda meneruskan pengamalan sunnah dalam suasana moden dan mencabar.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu melalui temubual separa berstruktur sebagai instrumen utama pengumpulan data yang melibatkan pelajar dan warga pendidik di Ma'had Attarbiyah Al-Islamiah (MATRI). Temubual ini dijalankan secara bersemuka selama 1 jam dan direkodkan dengan izin responden. Pendekatan pemilihan responden dibuat secara bertujuan (purposive sampling), iaitu memilih individu yang terlibat secara langsung dalam budaya tarbiyah MATRI, serta memiliki pengalaman mendalam dalam mengamalkan sunnah di sekolah dan luar sekolah. MATRI dipilih sebagai lokasi kajian kerana bersesuaian dengan tajuk kajian yang dapat memenuhi kehendak jawapan yang bertepatan iaitu mempunyai sistem pendidikan yang menekankan aspek tarbiyah dan amalan sunnah dalam kehidupan seharian pelajar.

Seramai 5 orang responden iaitu 3 daripadanya adalah pelajar, selebihnya pengetua dan seorang penolong kanan tugas-tugas khas maahad. Semua temubual dirakam dan ditranskripsi sepenuhnya untuk tujuan data analisis. Temu bual telah dilaksanakan kepada Puan Pengetua MATRI, Puan Nasitah Ibrahim, Penolong Kanan Unit Khas, Encik Hairol Amali Othman dan pelajar MATRI sendiri untuk mendapatkan gambaran yang mendalam berkenaan amalan sunnah yang dihidupkan di sekolah ini. Kajian ini juga disokong oleh sorotan sejarah daripada Nasirah (2020) dan Sa'adan (2024).

Dapatan Kajian

Latar Belakang Penubuhan MATRI

MATRI didirikan secara rasmi oleh Ustaz Dahlan @ Dahaman Mohd Zain pada tahun 1987, tetapi gagasan asalnya telah bermula lebih awal sejak tahun 1975 melalui halaqah mingguan di Surau Tanjung Gorah yang diasaskan oleh beliau sendiri bersama ABIM Perlis. MATRI yang ditubuhkan pada tahun 1987 bermula dengan hanya 17 orang pelajar dan dua orang guru (Sa'adan, 2024).

MATRI berkembang menjadi institusi pendidikan yang bukan sahaja memberi fokus kepada pencapaian akademik tetapi turut memupuk akhlak, kefahaman Islam dan pengamalan sunnah secara menyeluruh. Penubuhan MATRI tidak boleh dipisahkan daripada sumbangan besar al-Marhum Ustaz Dahlan @ Dahaman Mohd Zain yang membawa fikrah tarbiyah dari pengalamannya di Iraq serta penglibatannya dalam ABIM Perlis (Sa'adan, 2024). Terletak di lereng Bukit Tunjung, Perlis, MATRI dikelilingi persekitaran hijau yang menyokong pembentukan suasana kondusif (bi'ah solehah) bagi penerapan nilai-nilai Islam (Nasirah, 2020).

Menurut Nasirah (2020), usaha gigih beliau bersama para pendukung menghasilkan satu perkampungan Islam mini yang dikenali sebagai Perkampungan Tunjung, dan Ma'had Attarbiyah Al-Islamiyah menjadi institusi teras dalam perkampungan ini. Malah, latar sejarah penubuhan MATRI memperlihatkan bagaimana usaha gigih Ustaz Dahlan dan para pendokong awalnya menterjemah idealisme tarbiyah kepada realiti pendidikan formal. MATRI lahir bukan semata-mata untuk menjadi sekolah alternatif, tetapi sebagai wadah tarbiyah yang tersusun dan menyeluruh, sebagaimana yang digarap dalam program halaqah dan pengajian di Surau Tanjung Gorah sebelumnya (Sa'adan, 2024).

Prinsip Penubuhan MATRI

Institusi ini berperanan penting dalam membina sistem pendidikan berteraskan tarbiyah dan sunnah yang menekankan aspek akidah, akhlak, ibadah dan kehidupan berjemaah. Menurut Abdul Rahman (2020), perkembangan MATRI dari segi fizikal, kurikulum dan jumlah pelajar disokong oleh pelaksanaan program seperti halaqah, qiyamullail, hafazan dan amal jamaie. Budaya tarbiyah MATRI juga telah dibentuk secara tersusun melalui perancangan institusi yang berpandukan prinsip Islam dan pengamalan sunnah dalam rutin harian pelajar.

Sa'adan (2024) pula memberi penekanan terhadap falsafah pendidikan MATRI yang diasaskan oleh Ustaz Dahlan, berteraskan nilai iman, kefahaman dan amal berterusan. Pendekatan pendidikan yang dilaksanakan bukan hanya akademik, tetapi melibatkan pembinaan sahsiah dan ruhiyyah melalui qudwah murabbi, ikrar institusi dan disiplin sendiri yang konsisten. Ini menunjukkan bahawa MATRI bukan sekadar institusi pembelajaran, tetapi juga sebagai wadah membentuk pelajar yang hidup dengan nilai-nilai sunnah secara berterusan dalam dan luar sekolah. Perkara ini menunjukkan bahawa sejak awal penubuhannya, MATRI mempunyai pendekatan yang konsisten dalam membentuk generasi yang memiliki aqidah yang sejahtera, akhlak yang mantap, serta mampu berdikari dan memberi manfaat kepada orang lain.

MATRI Perlis ditubuhkan hasil daripada kesedaran terhadap keperluan sebuah institusi yang menggabungkan pendidikan akademik dengan pembinaan sahsiah melalui tarbiyah Islamiyah. Visi utama sekolah ini ialah melahirkan generasi yang bukan sahaja celik ilmu tetapi juga kuat pegangan agama serta mampu menyumbang kepada masyarakat sebagai dai'e dan pemimpin (Sa'adan, 2024). Menurut Puan Nasitah Ibrahim, pengetua MATRI, sekolah ini berusaha memastikan bahawa segala aktiviti pendidikan dan pentadbiran mengarah kepada penerapan budaya sunnah. "Kalau asal pun MATRI ditubuhkan tu memang untuk menjadikan pelajar berakhlak, mencintai al-Quran dan ilmu-ilmu sunnah," jelas beliau dalam sesi temu bual. Beliau menegaskan bahawa seluruh struktur dan falsafah sekolah dibentuk agar selari dengan matlamat ini.

MATRI bukan sahaja berperanan dalam mendidik pelajar tempatan tetapi turut menerima pelajar antarabangsa seperti dari Indonesia, Pakistan dan Kemboja. Pencapaian pelajarnya turut

membanggakan dalam bidang akademik dan penghasilan tokoh-tokoh dalam bidang keagamaan dan kepimpinan, sekaligus mengukuhkan reputasinya sebagai sekolah Islam swasta yang berjaya di Malaysia. Oleh itu, kajian ini tidak hanya bertujuan untuk memahami sejarah atau struktur sekolah ini semata-mata, tetapi lebih penting ialah menganalisis bagaimana sunnah Nabi SAW dijemakan dalam suasana harian pelajar serta kesan program-program tarbiyah terhadap penghayatan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka.



Gambar 1: Papan tanda MATRI di pintu masuk hadapan sekolah.

Kepimpinan dan Visi Sekolah dalam Menyemai Budaya Sunnah

Budaya sunnah di MATRI bukan sekadar slogan, tetapi dijadikan dasar utama dalam pengurusan dan pentadbiran. Menurut Puan Nasitah Ibrahim, visi sekolah dibina untuk menjadikan setiap pelajar sebagai pencinta ilmu dan pengamal sunnah. “Kita bukan sahaja nak pelajar lulus periksa, tapi yang lebih besar ialah nilai hidup dia selepas keluar dari MATRI,” ujar beliau. Beliau menjelaskan bahawa pelajar MATRI dididik untuk memahami sebab di sebalik setiap amalan, agar apa yang dilakukan bukan sekadar rutin, tetapi berdasarkan kefahaman dan keimanan.

Beliau turut menekankan peranan guru sebagai murabbi yang menjadi contoh kepada pelajar. “Kalau guru tak solat berjemaah, pelajar pun tak nampak contoh. Tapi bila guru pun jaga qiamullail, jaga akhlak, barulah murid ikut dengan hati,” katanya. Ma’had ini turut menekankan bahawa penyemaian budaya sunnah mestilah bermula dengan pimpinan dan guru yang mengamalkannya secara konsisten. Menurut beliau lagi, budaya sunnah diterapkan dalam pelbagai aspek seperti sukan, disiplin, ko-kurikulum dan hubungan sosial. Contohnya, sebelum menyertai pertandingan, pelajar akan solat berjemaah dahulu sebagai bentuk penggantungan kepada Allah. Malah beliau menyatakan, “Budak-budak MATRI semua pergi solat sebelum lawan. Sekolah lain tak solat. Itu pun punca kenapa MATRI menang.”

Antara cabaran besar yang dihadapi ialah untuk memastikan pelajar terus istiqamah mengamalkan sunnah selepas tamat persekolahan (Nasitah, 2025). Harapan beliau ialah agar pelajar lepasan MATRI membawa budaya sunnah ini ke luar sebagai bekalan hidup. “Kalau keluar dari MATRI tapi tak amal apa-apa, itu bukan kejayaan sebenar,” tegas beliau.



Gambar 2: Puan Nasitah Ibrahim, Pengetua MATRI (di tengah) bersama para pengkaji.

Pelaksanaan Program Tarbiyah sebagai Medium Penghayatan Sunnah

Menurut Hairol Amali Othman (2025), struktur tarbiyah di MATRI dibina berasaskan kepada manhaj tarbiyah Islamiah yang terancang. “Tarbiyah di MATRI tak bersifat teori, tapi kita hidupkan dengan suasana (bi’ah), program dan penglibatan guru,” katanya. Beliau menjelaskan bahawa setiap pelajar melalui proses bimbingan secara bertahap melalui program halaqah, usrah, qiamullail, riadah, tamrin, rehlah, dan sebagainya.

Beliau menerangkan bahawa antara objektif utama program tarbiyah ialah membentuk akhlak pelajar agar selari dengan sunnah Nabi SAW, bukan semata-mata untuk disiplin atau prestasi. “Kita nak pelajar amal bukan sebab disuruh, tapi sebab faham dan sedar,” ujar beliau. Oleh itu, banyak pendekatan disusun agar pelajar terlibat secara aktif dan reflektif dalam setiap program. Beliau juga menyebut bahawa pendekatan tarbiyah disesuaikan mengikut perubahan zaman. “Kita faham cabaran *Gen Alpha* ni lain. Mereka banyak dengan skrin. Jadi kita sesuaikan modul agar lebih dekat dengan mereka, tapi tak lari dari prinsip Islam,” katanya. Contohnya, slot motivasi pelajar akan dikaitkan dengan kisah sahabat, dan aktiviti riadah akan dimulakan dengan tazkirah ringkas dan bacaan doa.

Dari sudut pemantauan, MATRI mengamalkan sistem penilaian sahsiah dan laporan mingguan daripada murabbi halaqah. Refleksi pelajar juga digalakkan melalui sesi muhasabah, penulisan diari dan sesi usrah. “Kami nak tahu pelajar benar-benar terkesan atau hanya ikut program sahaja,” kata beliau. Laporan Nasirah (2020) juga menunjukkan bahawa ikrar pelajar MATRI merangkumi 10 Muwasofat Tarbiyah, termasuk menjaga waktu, aqidah yang sejahtera, ibadah yang benar, akhlak yang mantap dan mampu berdikari. Ikrar ini bukan sekadar lafaz, tetapi dijadikan asas dalam penilaian sahsiah dan panduan pembentukan watak pelajar.

Selain itu, aktiviti seperti *rowcall* (perhimpunan asrama), *prep* (kelas ulangkaji) malam, halaqah/usrah, hafazan, dan ijtima’ am merupakan sebahagian daripada amalan harian pelajar yang dirancang khusus untuk menghidupkan budaya Islam dalam kehidupan seharian. Ini menunjukkan pendekatan holistik MATRI yang menyepadukan disiplin diri, pengurusan masa dan pembentukan akhlak melalui suasana dan aktiviti harian yang konsisten.

Akhir sekali, beliau menekankan bahawa kesinambungan amalan sunnah di luar waktu rasmi adalah sangat dititikberatkan. Pelajar dididik agar menjadikan sunnah sebagai gaya hidup. “Kita bukan bentuk pelajar untuk lima tahun. Kita nak dia istiqamah sampai akhir hayat,” tegas beliau (Hairul, 2025).



Gambar 3: Encik Hairol Amali (Penolong Kanan, Unit Tugas-Tugas Khas).

Pengamalan Sunnah dalam Kehidupan Harian Pelajar

Hasil temu bual dengan para pelajar MATRI menunjukkan bahawa mereka mengamalkan pelbagai sunnah Nabi SAW dalam kehidupan harian mereka hasil daripada pendedahan melalui program tarbiyah dan budaya sekolah yang tersusun. Antara program yang memberi kesan mendalam ialah “Tamrin Selamat Datang” dan “Tamrin Selamat Pulang” yang dijalankan secara berkala, terutamanya ketika pelajar kembali ke sekolah atau sebelum pulang bercuti. Selain itu, aktiviti rehlah seperti lawatan berjalan kaki ke lokasi sekitar MATRI serta gotong-royong berkumpulan seperti di Tasik Melati juga memberi kesan positif terhadap pembinaan nilai sunnah seperti kebersihan, semangat berjemaah dan niat yang ikhlas (Irdina, 2025; Najla, 2025). Dalam Tamrin, guru sering berpesan agar pelajar menjaga hubungan dengan Allah dan sesama manusia (HDA & HDM) meskipun berada di luar kawasan sekolah (Najla, 2025).

Pelajar turut menyatakan bahawa mereka berusaha mengamalkan sunnah dalam rutin harian, terutamanya sebelum tidur seperti mengambil wuduk, membaca Surah al-Kahfi, dan mengulang hafazan sebagai bentuk ibadah sunat dan muhasabah diri (Nur Aimi, 2025). Pengamalan ini tidak lahir daripada paksaan, sebaliknya dibentuk melalui kesedaran rohani hasil persekitaran MATRI yang menggalakkan gaya hidup Islam melalui program tahfiz dan penghayatan sunnah. Budaya makan berjemaah secara talam juga diamalkan secara konsisten; walaupun ada rasa janggal pada awalnya, pelajar mula memahami hikmah sunnah tersebut dari sudut adab, kesederhanaan dan keberkatan makanan (Irdina, 2025). Mereka melihat bahawa amalan makan bersama juga boleh menjadi satu bentuk ibadah yang membina ukhuwwah dan kebersamaan.

Budaya solat berjemaah di MATRI memberikan pengaruh besar terhadap pembentukan disiplin rohani pelajar. Nur Aimi (2025) mengakui bahawa pada awalnya beliau kurang menyukai solat berjemaah kerana merasakan ia mengambil masa yang lebih lama berbanding solat bersendirian. Namun, setelah terbiasa, beliau menyedari bahawa solat berjemaah bukan sahaja lebih besar ganjarannya, tetapi juga mampu mempererat hubungan emosi seperti dalam keluarga menerusi amalan bersalaman selepas solat. Najla (2025) pula menjelaskan bahawa kebiasaan solat berjemaah lima waktu di MATRI menjadikannya lebih tertib dan fokus dalam ibadah, dan apabila solat secara bersendirian di luar sekolah, beliau merasakan kurang kekhusyukan dan mudah terlalai dari niat yang betul.

Dari sudut pemahaman hikmah, para pelajar menyatakan bahawa mereka benar-benar memahami ganjaran di sebalik amalan sunnah yang diajar di MATRI. Najla (2025) memberikan contoh solat sunat dua belas rakaat sehari yang menurut guru mereka akan mendapat ganjaran

sebuah mahligai di syurga. Beliau menyatakan bahawa pemahaman ini menjadikannya lebih istiqamah dan termotivasi untuk beramal. Nur Aimi (2025) pula secara berseloroh menyatakan bahawa beliau bersemangat “membina istana di syurga” dengan mengira berapa banyak mahligai telah dibina setiap hari. Kefahaman tentang ganjaran ini tidak hanya mendorong pengamalan sunnah, malah menjadikan amalan itu menyeronokkan dan bermakna bagi mereka. Secara keseluruhannya, pengamalan sunnah dalam kalangan pelajar MATRI terbina melalui gabungan antara program tarbiyah, budaya sekolah, dan kefahaman hikmah yang mendalam. Nilai-nilai sunnah bukan sekadar diterapkan sebagai amalan rutin, tetapi disampaikan dengan penjelasan dan dibudayakan dalam suasana yang kondusif. Pelajar mengakui bahawa pengaruh budaya MATRI telah membentuk bukan sahaja tingkah laku luaran, tetapi juga kekuatan rohani, motivasi dalaman dan kesedaran tentang Islam sebagai cara hidup yang menyeluruh.



Gambar 4: Sesi temubual bersama pelajar tingkatan 3,
(dari kanan) Najla Nordin, Nurul Irdina Abdul Ramdzani, dan Nur Aimi Shahril Hafiz.

Persekitaran Sosial dan Sokongan Kolektif dalam Mendorong Amalan Sunnah

Persekitaran sosial yang dibentuk melalui budaya sekolah dan sokongan rakan sebaya di MATRI memainkan peranan besar dalam mendorong pelajar mengamalkan sunnah dalam kehidupan seharian. Salah seorang responden, iaitu Nur Aimi, Pelajar Tingkatan 3 (2025) menyatakan bahawa beliau terdorong untuk memperbanyakkan ibadah kerana merasakan amalannya masih belum mencukupi, dan menyedari bahawa amalan sunat adalah usaha untuk mengelakkan penyesalan di masa hadapan.

Walaupun pada awalnya sukar dan dilakukan dalam keadaan terpaksa, namun setelah diamalkan secara konsisten, perasaan ikhlas hadir dengan sendirinya. Ini membuktikan bahawa suasana yang dikelilingi oleh individu yang menunjukkan teladan melalui perbuatan mampu mempengaruhi dan menggerakkan hati pelajar lain untuk turut serta mengamalkan sunnah dengan lebih bersungguh-sungguh. Selain itu, elemen pengisian program seperti Ijtima’ ‘Am yang merupakan ceramah mingguan wajib turut menjadi medium utama dalam menyemai kecintaan pelajar terhadap Rasulullah SAW.

Nur Aimi (2025) menjelaskan bahawa pengisian dalam Ijtima’ ‘Am sarat dengan hadis, amalan sunnah, dan kisah-kisah sirah yang disampaikan dengan gaya yang menyentuh hati, menjadikan isi yang didengar lebih mudah dihayati serta dikaitkan dengan kehidupan seharian. Salah seorang responden juga pelajar tingkatan 3, Nurul Irdina (2025) turut berkongsi, pelajar juga digalakkan mencatat isi ceramah, selaras dengan saranan guru bahawa “ilmu perlu diikat dengan tulisan” yang kemudiannya membantu mereka mengingat dan memperkukuh pemahaman terhadap ilmu yang disampaikan.

Tambahan pula, melalui pelbagai program tarbiyah seperti “Tamrin Selamat Datang” dan “Tamrin Selamat Pulang”, pelajar dididik untuk sentiasa memperbaharui niat, menjaga ibadah, dan mengekalkan disiplin walaupun berada di luar persekitaran sekolah (Najla, Pelajar Tingkatan 3 2025). MATRI berperanan bukan sahaja sebagai institusi pendidikan, malah sebagai medan latihan awal bagi melatih pelajar menghadapi cabaran luar selepas tamat persekolahan.

Keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa persekitaran sosial, pengaruh rakan sebaya, program tarbiyah, serta budaya ilmu dan adab yang diterapkan di MATRI berjaya membentuk pelajar menjadi individu yang mengamalkan sunnah secara berterusan dan bersedia untuk mengekalkannya walaupun berada di luar persekitaran sekolah.

Cabaran dan Implikasi Jangka Panjang terhadap Pengamalan Sunnah

Pelaksanaan dan kesinambungan pengamalan sunnah di MATRI Perlis, agar menghadapi pelbagai cabaran, namun turut membawa implikasi jangka panjang yang signifikan dalam membentuk pelajar sebagai Muslim berteraskan sunnah. Hasil temubual bersama pengetua MATRI, Puan Nashitah (2025), menunjukkan bahawa ketidakselarasan antara *bi'ah* (persekitaran) di sekolah dan di rumah merupakan cabaran utama yang sering menjejaskan konsistensi amalan pelajar, terutamanya apabila pulang bercuti dan terdedah kepada penggunaan gajet serta kurang pemantauan.

Sebagai solusi, MATRI memperkenalkan program “Tamrin Selamat Pulang” dan “Tamrin Selamat Datang” bagi membantu pelajar kekal berpegang pada nilai-nilai tarbiyah. Penolong Kanan Tugas-Tugas Khas, Hairul (2025) pula menekankan bahawa cabaran besar hadir dari aspek manhaj, murabbi dan *bi'ah*. Beliau menegaskan bahawa walaupun kandungan manhaj Islam kekal relevan, pendekatannya perlu disesuaikan dengan generasi baharu yang lebih tertarik dengan gaya interaktif dan mesra realiti semasa. Murabbi pula perlu bersifat dinamik, memahami konteks sosial moden serta mampu membimbing dengan hikmah, bukan sekadar teguran keras, agar pelajar dapat menghayati nilai-nilai Islam dengan lebih mendalam.

Dari segi *bi'ah* (persekitaran), MATRI berdepan pengaruh luar seperti budaya *vape* (rokok elektronik), pergaulan bebas, dan media sosial, menjadikan pembinaan kekuatan dalaman pelajar serta kesinambungan nilai tarbiyah di luar sekolah sebagai keutamaan. Selain itu, hasil temubual bersama pelajar tingkatan 3, Nur Aimi, Najla dan Nurul Irdina (2025) menunjukkan cabaran fizikal seperti cuaca panas turut menguji keistiqamahan mereka, namun pengaruh rakan yang konsisten mengamalkan sunnah memberi motivasi untuk terus kekal istiqamah.

Pelajar juga menyatakan kesediaan untuk meneruskan budaya sunnah selepas keluar dari MATRI dengan pendekatan berperingkat dan realistik, bersandarkan niat serta doa agar diberikan kekuatan oleh Allah SWT. Pengetua, Puan Nashitah (2025) turut menyatakan harapan agar lepasan MATRI menjadi individu yang mampu menyebarkan nilai Islam melalui akhlak dan perbuatan, seterusnya menjadi ejen perubahan dalam masyarakat.

Secara keseluruhan, dapatan ini menggambarkan bahawa walaupun terdapat pelbagai rintangan dalam mengekalkan pengamalan sunnah, pendekatan tarbiyah yang berstrategi dan bersifat jangka panjang di MATRI mampu memberi kesan yang mendalam dalam membina keperibadian pelajar yang unggul dan berterusan mengamalkan sunnah dalam kehidupan selepas persekolahan.

Kesimpulan

Kajian ini meneliti bagaimana budaya tarbiyah berasaskan sunnah yang dilaksanakan di MATRI dijangka mampu mempengaruhi amalan dan pembentukan sahsiah pelajar secara menyeluruh. Dapatan menunjukkan bahawa persekitaran sekolah yang kondusif, peranan murabbi yang proaktif, serta pengaruh rakan sebaya yang positif memainkan peranan penting dalam menghidupkan sunnah dalam kehidupan harian pelajar. Pelaksanaan program-program seperti Ijtima' 'Am dan Tamrin secara berkala telah berjaya menyuntik kefahaman, kesedaran dan motivasi dalaman untuk mengamalkan sunnah secara konsisten.

Walau bagaimanapun, beberapa cabaran dikenal pasti terutama berkaitan ketidakselarasan antara persekitaran sekolah dan rumah, pengaruh teknologi moden, serta keperluan menyesuaikan pendekatan tarbiyah dengan keperibadian Generasi Alpha. Kajian ini memberi sumbangan bermakna dalam memperlihatkan potensi pendidikan tarbiyah berbasis sunnah sebagai asas yang kukuh dalam melahirkan generasi Muslim yang bukan sahaja berilmu dan berakhlak, tetapi juga mampu membawa nilai Islam ke tengah masyarakat dengan yakin dan istiqamah.

Justeru, adalah disarankan agar kerjasama yang lebih erat antara pihak sekolah dan ibu bapa terus diperkukuh melalui modul sokongan di rumah, serta penggunaan media digital yang bijak dan mesra generasi muda agar pengamalan sunnah dapat dipertahan dan diperkasa dalam semua peringkat kehidupan.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada barisan penyelidik yang mengumpulkan data kajian kualitatif berasaskan temu bual ini seterusnya menganalisis data tersebut secara tematik. Terima kasih juga kami sampaikan kepada pihak pengurusan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM yang diterajui oleh Prof. Madya Dr. Mohd Zohdi Mohd Amin, yang memudahcarakan pelaksanaan kajian ini. Kepada pihak pengurusan MATRI yang membenarkan kajian ini dilaksanakan, diucapkan jutaan terima kasih. Semoga kajian ini membantu meningkatkan keberhasilan dan sumbangan institusi pendidikan Islam di Malaysia.

Senarai Rujukan

- Azizan, N. I., Ismail, N., Mohd Zin, S. M., & Zainuddin, N. F. (2021). Metode Pengajian Tafsir Al Quran Institusi Pondok di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 50–58.
- Dzulkifli, I., Mastor, K. A., Yunos, N., & Aziz, S. N. S. (2022). Implementation of religious internalization activities in schools. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 14(11).
- El Islamy, V. S., Husnia, F. A., & Yaqien, N. (2023). The influence of Islamic boarding school culture on the character building of santri. *Managere: Indonesian Journal of Educational Management*. 5(3), 257–266.
- Ghazali, S. (2013). Sejarah awal MATRI: Pengorbanan, kebersamaan dan sentuhan tarbawi. S@n Vision Sdn. Bhd.
- Hafiy, M. H. A. R., & Narowi, M. b. (2022). Pengamalan Sunnah dalam kalangan pelajar Islam di Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial di Universiti Selangor. *UnIPSAS Conference and Proceedings*. Kuantan, Pahang
- Hairol Amali Othman. (15 Mei 2025). Pelaksanaan Program Tarbiyah Berasaskan Sunnah. *Temubual*. Perlis, Malaysia.
- Hilal, A. (2013). Mengenang murabbiku: Ustaz Dahlan Mohd Zain. Langit Iman Resources.
- Ismail, N., Bakar, N. H., Abd. Majid, M., & Kasan, H. (2019). Pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa IPTI di Malaysia. *Al Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 78–93.
- Kabir, M., Kabir, M. R., & Riasat, S. (2024). Islamic lifestyle applications: meeting the spiritual needs of modern Muslims. arXiv. <https://doi.org/10.48550/arXiv.2402.02061>
- Najla Nordin. (15 Mei 2025). Pengalaman dan Penghayatan Individu terhadap Pengaruh Budaya MATRI. *Temubual*. Perlis, Malaysia.
- Nasirah, B. A. R. (2020). Sejarah dan perkembangan Ma'ahad Attarbiyah Al-Islamiyah di Perlis Malaysia pada tahun 1987–2019. Skripsi Sarjana Muda. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya). <http://digilib.uinsby.ac.id/>
- Nasitah Ibrahim. (15 Mei 2025). Visi dan Kepimpinan dalam Budaya Sunnah Sekolah. *Temubual*. Perlis, Malaysia.
- Noorhidayah, S. A. S., Anwar @ Johari Mastor, K., & Dzulkifli, I. (2021). Pelaksanaan Amalan Sunat dan Hubungannya dengan Kecemerlangan Sahsiah Pelajar Tahfiz di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 77–90.
- Nor, M. R. M., & Munir. (2021). Characteristics of preserving salafiyah Islamic boarding school traditions. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(1), 67–88.
- Nur Aimi Shahril Hafiz. (15 Mei 2025). Pengalaman dan Penghayatan Individu terhadap Pengaruh Budaya MATRI. *Temubual*. Perlis, Malaysia.
- Nurul Irdina Abdul Ramdzani. (15 Mei 2025). Pengalaman dan Penghayatan Individu terhadap Pengaruh Budaya MATRI. *Temubual*. Perlis, Malaysia.
- Rodliyah, R., Jannah, I. N., & Usriyah, L. (2022). Cultural transformation in religious activities in Islamic boarding schools. *Nazhruna: Jurnal Pendidikan Islam*, 6(2), 1–15.
- Sa'adan, M. I. K. B. (2024). Ma'had Attarbiyah Al-Islamiyah (MATRI): Early developments and influence (1987–2002). *Undergraduate thesis*. International Islamic University Malaysia).
- Syahrizal, & Tengku Kasim, T. S. A. (2023). Pengamalan ittiba' al sunnah di Pondok Pesantren Al Fatah. *Journal of Islamic Educational Research*, 9(1), 38–47.